

Headline	Pelan tabungan persaraan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 May 2015	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	825,000
Page No	49	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Asri Ahmad	AdValue	RM 7,697
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,091



# Pelan tabungan persaraan

Oleh Mohd Asri Ahmad

## ■ Pesara perlu bijak mengatur belanja untuk teruskan kelangsungan hidup

**P**ersaraan adalah jangka waktu berehat daripada sektor pekerjaan. Bagi yang menikmati skim pencen, persaraan adalah waktu yang ditunggu-tunggu kerana pelbagai aktiviti dapat dilakukan tanpa perlu memohon kelulusan cuti tahunan seperti mengerjakan umrah atau haji, bercuti panjang, fokus pada perniagaan, berziarah dengan keluarga dan rakan.

Bagi yang bekerja di sektor swasta, persediaan tabungan atau skim caruman yang memberi pulangan berpatutan sesuai yang wajib. Ini kerana apabila tiba detik persaraan, sejumlah wang tabungan atau caruman terkumpul dalam satu jumlah besar diperlukan untuk meruskan kelangsungan hidup dan juga untuk menikmati kebebasan bercuti, beribadah, bersilaturahim dan bagainya.

Lagi panjang usia dikan dung badan, lagi tinggi jumlah dana terkumpul diperlukan di usia persaraan. Memang benar keperluan asasi dan sosial di usia emas tidak banyak, tetapi jika keadaan kesihatan merudum atau ada tanggungan lain, maka makin tinggilah persediaan dana diperlukan. Di tambah pula dengan situasi inflasi yang meningkat dari tahun

ke tahun, maka perlulah bersiap sedia. Jangan ditunggu sudah terantuk baru terngadah.

Ramai tidak sedar terhadapnya banyak alternatif untuk meraih pulangan pelaburan lumayan, sebagai bekalan hidup selepas persaraan. Antaranya melalui akaun simpanan di Lembaga Tabung Haji, pelaburan unit amanah dan pelaburan terus di dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Akaun simpanan Lembaga Tabung Haji (LTH) antara akaun simpanan yang mempunyai prestasi pemberian kadar pulangan tinggi dan konsisten sekurang-kurangnya untuk 5 tahun kebelakangan ini. Untuk 2014, kadar dividen dan bonus bagi akaun simpanan LTH adalah 8.25 peratus setahun (sebelum zakat).

Antara kelebihan menyimpan di akaun simpanan LTH adalah ia berlandaskan syariah Islam, pengeluaran tanpa had kekerapan, dikecualikan cukai dan pembayaran zakat diuruskan LTH. Pelaburan melalui unit amanah pula satu bentuk pelaburan secara kolektif atau berjemaah yang membolehkan pelabur dengan objektif pelaburan sama mengumpulkan wang mereka di dalam satu dana dan dilaburkan ke dalam portfolio sekuriti atau aset lain diuruskan oleh pengurus dana amanah profesional.

Pilihan unit amanah yang tepat mampu memberi pulangan lebih tinggi berbanding pulangan caruman lain. Terkini terdapat lebih 600 dana amanah di Malaysia seperti Amanah Saham Bumi-

putera (ASB), Amanah Saham Nasional dan sebagainya, dengan jumlah nilainya melebihi RM400 billion ( sehingga Februari 2015).

Terdapat 2 jenis pulangan daripada pelaburan unit amanah iaitu dividen (agihan keuntungan kepada pemegang unit amanah) dan atau melalui peningkatan nilai modal (iaitu keuntungan apabila unit amanah dijual pemegang unit amanah pada harga semasa lebih tinggi daripada harga belian).

Dengan risiko agak berpatutan, kebanyakannya pulangan pelaburan untuk jangka masa sederhana dan panjang (lebih dari 5 tahun) dalam dana amanah adalah lebih tinggi daripada pulangan akaun simpanan atau deposit tetap. Pemegang unit amanah juga bebas membuat penjualan tanpa had kekecapan.

Sebagai contoh pada 2014, ASB memberikan pulangan dalam bentuk dividen 8 peratus setahun iaitu antara kadar pulangan pelaburan yang agak baik di Malaysia.

Selain itu, pelabur juga boleh melabur terus di dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Terdapat lebih 900 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia dengan lebih 670 syarikat yang patuh syariah bagi piihan pelabur. Sebagai contoh, jika kita membeli saham Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada awal 2005 pada harga RM7 sesaham. Hari ini saham TNB meningkat nilainya ke lebih RM14 se-saham.

Ini peningkatan 100 peratus dalam masa 10 tahun

pegangan atau purata 10 peratus setahun tidak termasuk dividen. Seperti unit amanah, pelabur saham di Bursa Malaysia juga berpeluang menikmati 2 pulangan iaitu dividen dan peningkatan nilai

modal. Risiko pelaburan di Bursa Malaysia lebih tinggi berbanding unit amanah, maka jangkaan pulangannya juga lebih baik daripada unit amanah.

Perbezaan dengan pelaburan unit amanah adalah pelaburan di Bursa Malaysia diuruskan individu atau pelabur itu sendiri.

Oleh itu, penting bagi seorang pelabur bersedia dengan ilmu mencukupi sebelum terjebak dengan pasaran Bursa Malaysia. Pelaburan adalah satu bentuk perniagaan dan lumrah bagi sebuah perniagaan untuk mengalami untung rugi. Dengan kecanggihan teknologi dewasa ini, pelaburan di Bursa Malaysia bukan sahaja mudah untuk dikendalikan malahan dengan ilmu yang tepat dapat memaksimumkan keuntungan dan mengurangkan risiko kerugian. Inilah yang dikatakan sebagai pelaburan yang bijak.

Setiap bakal pesara haruslah bersedia dari sekarang untuk menikmati era persaraan yang selesa dan tenang. Setelah bersara, di kala usia emas dengan fizikal yang semakin lemah, terpaksa bekerja untuk merusakan kelangsungan hidup bukanlah sesuatu yang dingini oleh sesiapa sahaja.

**Penulis adalah Jurulatih Pelaburan Saham Wealth Magnet International Sdn Bhd**